

**Utusan Malaysia Mei 2018**

Bil.	Tarikh	Tajuk Berita	Catatan	Muka Surat
1.	02 Mei 2018	SPRM buka 74 kertas siasatan babitkan IPTA seluruh negara	Timbalan Ketua Pesuruhjaya (Pencegahan) SPRM, Datuk Shamshun Baharin Mohd. Jamil	3
2.	8 Mei 2018	ECRL: Menyatu kehidupan, memacu pertumbuhan	ECRL	5
3.	13 Mei 2018	Mansuh GST, kembalikan subsidi minyak tidak jejas ekonomi - Daim	Bekas Menteri Kewangan Tun Daim Zainuddin	8
4.	16 Mei 2018	SPRM digesa siasat DBKL, isu penjualan tanah	Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM)	10
5.	16 Mei 2018	Laporan audit 1MDB kini dokumen terbuka	Ketua Audit Negara, Tan Sri Dr. Madinah Mohamad	12
6.	16 Mei 2018	17,000 penjawat awam lantikan politik hilang pekerjaan	Perdana Menteri, Tun Dr. Mahathir Mohamad	13
7.	16 Mei 2018	Operasi ECRL berjalan seperti biasa	Ketua Komunikasi Korporat syarikat itu, Rosmah Mahmud	14
8.	16 Mei 2018	Banyak kesalahan, penyelewengan dalam skandal 1MDB	Perdana Menteri, Tun Dr. Mahathir Mohamad	15
9.	16 Mei 2018	UMW-OG sasar kontrak RM2.6 bilion	Presiden UMW-OG, Rohaizad Darus	17
10.	17 Mei 2018	Jho Low diarah pulang Equanimity kepada AS	1Malaysia Development Berhad (1MDB).	18
11.	19 Mei 2018	Ramai tidak sedar tanah sendiri terjual	Timbalan Presiden Persatuan Guaman Hartanah Malaysia (HartaGuam), Salkukhairi Abd. Sukor	20
12.	21 Mei 2018	Pasukan petugas khas mengenai 1MDB bermesyuarat esok	1Malaysia Development Berhad (1MDB)	22
13.	21 Mei 2018	Andre Justo bertemu lagi Dr. Mahathir	1Malaysia Development Berhad (1MDB)	24
14.	21 Mei 2018	Isytihar harta kepada SPRM	Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM)	25
15.	22 Mei 2018	Pasukan Khas Siasatan 1MDB Secara terperinci, rampas aset serta dakwa individu bersalah	Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM)	26

Bil.	Tarikh	Tajuk Berita	Catatan	Muka Surat
16.	26 Mei 2018	Siasat 1MDB secara telus Bawa bukti kukuh ke mahkamah, bukan buat sidang akhbar	1Malaysia Development Berhad (1MDB).	28
17.	28 Mei 2018	Projek HSR dibatalkan	Perdana Menteri, Tun Dr. Mahathir Mohamad	30
18.	30 Mei 2018	Okay untuk ECRL dikaji semula, tidak untuk batal MRT3 Projek MRT mampu redakan ketepuan trafik Lembah Kelang	Ketua Pusat Penyelidikan Keselamatan Jalan Raya Universiti Putra Malaysia (UPM), Prof. Dr. Law Teik Hua	32
19.	30 Mei 2018	Tempoh siasatan 1MDB bergantung tahap kerumitan kes	1Malaysia Development Berhad (1MDB).	34

02 Mei 2018

## 1. SPRM buka 74 kertas siasatan babitkan IPTA seluruh negara



TIMBALAN Ketua Pesuruhjaya (Pencegahan) SPRM, Datuk Shamshun Baharin Mohd Jamil (lima kiri) melancarkan buku kod etika berpakaian Unimas di Hari Integriti Unimas di Arena Gemilang, Dewan Tun Abdul Rahman Putra (DeTAR Putra), Unimas, Kota Samarahan hari ini. -

KOTA SAMARAHAN 2 Mei- Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) membuka sebanyak 74 kertas siasatan berhubung kes rasuah melibatkan institusi pengajian tinggi awam (IPTA) sejak 2015 hingga tahun ini.

Timbalan Ketua Pesuruhjaya (Pencegahan) SPRM, Datuk Shamshun Baharin Mohd. Jamil berkata, pada tahun 2016 sahaja sebanyak 50 kertas siasatan telah dibuka.

"Dari segi tangkapan pula, sebanyak 37 tangkapan dibuat bagi tempoh sama di mana sebanyak 23 tangkapan telah dibuat sepanjang 2016.

"Statistik SPRM juga menunjukkan bahawa 54 peratus daripada 1,267 orang yang ditahan bagi tempoh 2014 hingga 2016 merupakan golongan belia berusia 40 tahun ke bawah," katanya.

Beliau berkata demikian ketika berucap pada Hari Integriti Universiti Malaysia Sarawak (Unimas) di Arena Gemilang, Dewan Tun Abdul Rahman Putra (DeTAR Putra), di sini sebentar tadi.

Yang turut hadir Naib Canselor Unimas, Profesor Datuk Dr. Mohd. Kadim Suaidi.

Pada majlis itu, buku kod etika berpakaian Unimas juga dilancarkan.

Mengulas lanjut, beliau berkata, fenomena itu amat membimbangkan kerana mereka merupakan tonggak yang bakal membentuk masa depan dan hala tuju negara.

"Adalah penting Unimas yang berpotensi tinggi diperkuatkan lagi dari aspek pentadbiran dan penyampaian serta menyemai elemen integriti, anti-rasuah di kalangan warganya," ujarnya.

## 2. ECRL: Menyatu kehidupan, memacu pertumbuhan



**Kerja-kerja membina gerbang terowong ECRL sedang giat dijalankan di Bukit Bauk, Dungun, Terengganu.**

BAGI memacu pembangunan yang setara antara Pantai Barat dan Pantai Timur Malaysia, kerajaan telah mengambil inisiatif untuk membina Laluan Rel Pantai Timur (ECRL) iaitu sebuah laluan keretapi baharu yang menghubungkan negeri-negeri di Pantai Timur dengan Lembah Klang.

Dengan laluan sepanjang 688 kilometer (km), ECRL bukan sekadar untuk mengangkut penumpang dan kargo, lebih daripada itu, ia dilihat sebagai satu lagi pencetus perubahan kepada Wilayah Ekonomi Pantai Timur (ECER) sekali gus bakal mengubah landskap sosioekonomi di Kelantan, Terengganu dan Pahang.

Bandar-bandar kecil di ketiga-tiga negeri tersebut yang akan dibina stesen ECRL, bakal menjadi tumpuan pembangunan pesat sekali gus meningkatkan taraf hidup khususnya penduduk di luar bandar.

Malah sejak beberapa bulan lalu, pemaju-pemaju harta tanah dilihat mula beralih arah ke Pantai Timur kerana menyedari potensi peningkatan nilai harta tanah di situ terutama yang berdekatan dengan jajaran ECRL.

Jika selama ini ramai generasi muda dari pantai Timur berhijrah mencari pekerjaan ke kota besar khususnya di Kuala Lumpur, namun kehadiran ECRL bakal mengubah senario itu kerana banyak peluang pekerjaan akan diwujudkan.

ECRL sebagai laluan perdagangan yang cepat juga akan menggalakkan pertumbuhan industri baharu selain meningkatkan produktiviti Perusahaan Kecil Sederhana (PKS) di Pantai Timur.

Selain itu, dengan adanya kemudahan pengangkutan yang efisien, sektor pelancongan tempatan juga dapat ditingkatkan sekali gus memberi limpahan ekonomi kepada peduduk setempat.

ECRL akan menjadi pemangkin pertumbuhan ekonomi baharu serta memberi impak yang positif kepada masyarakat di negeri-negeri Pantai Timur dan dijangka dapat meningkatkan Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) sebanyak 1.5 peratus.

Dijangka siap sepenuhnya pada Jun 2024, ECRL merupakan antara projek kejuruteraan dan pembinaan paling mencabar di Malaysia.

Hal ini kerana sejumlah besar kawasan yang terlibat untuk pembinaan jajaran itu tidak rata selain perlu berdepan bentuk muka bumi yang berbukit bukau serta hutan tebal di Banjaran Titiwangsa.

Sebanyak 44 terowong dengan keseluruhan jarak meliputi 39.1 kilometer (km) akan dibina di sepanjang jajaran ECRL.

Ia termasuk terowong berkembar sepanjang 16.3 km dari Bentong ke Gombak yang bakal diiktiraf sebagai terowong rel terpanjang di Asia Tenggara.

Sebanyak 147 jambatan akan turut dibina melibatkan jarak keseluruhan 128 km dengan yang terpanjang iaitu 10.4 km terletak di Kota Bharu, Kelantan.

ECRL juga dibina pada landasan yang ditinggikan sebagai langkah keselamatan bagi mengelak kawasan banjir.

Selain itu, ECRL turut mengambil kira pandangan dan kelulusan Jabatan Alam Sekitar serta Jabatan Perlindungan Hidupan Liar dan Taman Negara (Perhilitan) mengenai impak projek tersebut kepada alam sekitar.

Melalui kerjasama dengan kedua-dua jabatan itu, sebanyak 90 peratus daripada 2,000 hektar hutan simpan yang terlibat dalam rancangan asal, dapat diselamatkan dengan pengubahsuaian jajaran dan pembinaan terowong.

Lintasan untuk hidupan liar akan dibina di 29 lokasi strategik supaya hidupan liar dapat dilindungi dan bergerak bebas.

Jawatankuasa Pengurusan Hidupan Liar juga diwujudkan bagi memantau dan meminimumkan impak projek ECRL kepada hidupan liar dan habitatnya.

Menurut laporan daripada Malaysia Rail Link Sdn. Bhd. (MRL) yang merupakan pemilik projek dan aset ECRL, keseluruhan proses pembinaan yang bermula sejak Oktober tahun lalu telah mencapai tahap 13 peratus dan bergerak lancar mengikut jadual yang ditetapkan.

Ia melibatkan kerja-kerja permulaan seperti ujian tanah, pembinaan kem induk dan kem satelit serta laluan masuk ke kawasan pembinaan.

Kerja-kerja membina jambatan sementara dan gerbang terowong di beberapa kawasan juga sedang giat dijalankan.

Walaupun kontraktor utama adalah syarikat antarabangsa iaitu *China Communications Construction Company Ltd (CCCC)*, namun projek itu hanya melibatkan 30 peratus pekerja-pekerja dari China dan negara asing lain.

Selebihnya akan menggunakan tenaga kerja tempatan yang akan dilahirkan melalui Program Latihan Kemahiran Industri ECRL (PLKI-ECRL).

PLKI-ECRL merupakan program tanggungjawab sosial korporat (CSR) *CCCC* dengan tajaan sebanyak RM23 juta bagi melahirkan pekerja tempatan yang berkemahiran dalam projek ECRL.

Kerja-kerja awam seperti kerja-kerja tanah, substruktur, pembinaan stesen, saliran, penempatan semula kemudahan awam, perkhidmatan mekanikal dan elektrik juga akan diberikan oleh *CCCC* kepada subkontraktor-subkontraktor tempatan.

Ini sebagaimana rundingan antara kerajaan Malaysia dan China iaitu sekurang-kurangnya 30 peratus kerja-kerja infrastruktur, tidak termasuk terowong, akan dijalankan oleh kontraktor Malaysia.

Inisiatif kerajaan melaksanakan ECRL merupakan rahmat besar kepada rakyat terutama di negeri-negeri Pantai Timur kerana dalam beberapa tahun akan datang, projek itu akan mendatangkan limpahan ekonomi yang sangat besar kepada wilayah itu.

Tidak lama lagi, pembangunan di Pantai Timur akan dilihat bergerak seiring dengan Pantai Barat sekali gus merealisasikan agenda kerajaan dalam mencapai status negara maju dan berpendapatan tinggi.

13 Mei 2018

**3. Mansuh GST, kembalikan subsidi minyak tidak jejas ekonomi - Daim**

KUALA LUMPUR 13 Mei - Kerajaan baharu di bawah Perdana Menteri Tun Dr Mahathir Mohamad akan memastikan pemansuhan Cukai Barang dan Perkhidmatan (GST) dan pengenalan semula subsidi minyak tidak akan menjasikan ekonomi Malaysia.

**Bekas Menteri Kewangan Tun Daim Zainuddin - BERNAMA**

Majlis Penasihat Kerajaan yang baru ditubuhkan oleh kerajaan itu yakin untuk memmansuhkan GST dan mengembalikan semula subsidi minyak berikutan mereka mempunyai kepakaran dan pengalaman yang berkaitan.

"Kami perlu melakukan analisis mengenai GST dan subsidi minyak. Selepas GST dimansuhkan, yang paling penting kita dapat menghapuskan rasuah dan pembaziran serta menjadi lebih cekap. Kami telah melakukannya sebelum ini, (selama) 57 tahun tidak ada GST .. tiada masalah."

"Kami dapat mengendalikannya. Tiada sebab mengapa ekonomi dipertaruhkan dan menjadi lebih teruk, jangan bimbang."

"Pada dasarnya, pengurus dana yang lebih bimbang tentang GST. Mereka takut hutang akan meningkat. Kami tidak akan menaikkan hutang lagi. Kami tidak bodoh."

"Ini adalah spekulasi yang tidak wajar. Ini merupakan tindak balas normal apabila kerajaan baharu mengambil alih. Bagaimana wujud ketidakpastian apabila ada manifesto dan semuanya pun ada," kata bekas Menteri Kewangan Tun Daim Zainuddin kepada Bernama selepas mempengerusikan mesyuarat Majlis Penasihat Kerajaan di sini pada Sabtu.

Selain Daim, ahli lain daripada majlis itu adalah bekas Gabenor Bank Negara Malaysia Tan Sri Zeti Akhtar Aziz, bekas Presiden dan Ketua Pegawai Eksekutif Petronas Tan Sri Mohd Hassan Marican, Ahli Ekonomi Prof Jomo Kwame Sundaram dan tokoh perniagaan Tan Sri Robert Kuok.

Kuok tidak hadir kerana berada di luar negara.

Menurut Daim, pada masa ini majlis itu tidak akan mendedahkan bagaimana kerajaan akan mengimbangi pengurangan daripada pemansuhan GST dan pengenalan semula subsidi minyak.

Beliau berkata majlis tersebut akan mengambil langkah penting untuk memulihkan keyakinan pelabur.

"Pertama adalah GST, kemudian, kami akan memanggil pegawai-pegawai di kementerian untuk memberi taklimat kepada kami mengenai projek-projek mega, hutang negara, tadbir urus syarikat berkaitan kerajaan - Tabung Haji, Mara, Felda, selain menangani ringgit," katanya.

Mengenai siasatan ke atas 1Malaysia Development Bhd (1MDB), Daim mendedahkan pasukan petugas khas akan ditubuhkan dengan segera bagi tujuan itu di bawah bidang kuasa Majlis Penasihat Kerajaan.

Majlis itu telah mengenal pasti mereka yang dapat membantu dalam siasatan tersebut dan mendapatkan semula berbilion dolar yang didakwa dicuri daripada dana itu, katanya, sambil menambah majlis itu kemudiannya akan mengemukakan laporan tersebut kepada kerajaan.

Menyelesaikan kemelut 1MDB merupakan antara janji yang dibuat oleh Pakatan Harapan (PH) dalam manifestonya pada Pilihan Raya Umum Ke-14.

Perdana Menteri semalam mengumumkan penubuhan majlis itu, antara lainnya, akan membantu kerajaan baharu melaksanakan janji-janji yang PH berjanji untuk memenuhi dalam tempoh 100 hari dalam pentadbiran

16 Mei 2018

#### 4. SPRM digesa siasat DBKL, isu penjualan tanah



LIM LIP ENG (empat dari kiri) selepas membuat laporan kepada SPRM berhubung isu penjualan 64 lot tanah kepada DBKL, di sini hari ini. Turut hadir , Ahli Parlimen Segambut, Hannah Yeoh Tseow Suan ( dua kanan, depan).

KUALA LUMPUR 16 Mei - Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) digesa untuk menyiasat segera dakwaan 64 lot penjualan tanah kerajaan oleh Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) kepada pemaju tanpa mematuhi prosedur kerajaan.

Ahli Parlimen Kepong, Lim Lip Eng mendakwa, sejak 2013, kesemua lot tanah yang berkeluasan 171 hektar itu telah dijual dengan harga jualan sebanyak RM4.28 bilion.

"Secara amnya, tanah-tanah ini dijual bagi tujuan penyediaan Pemilik Rumah Mampu Milik Wilayah Persekutuan (Rumawip) di samping menyeimbangkan keperluan persekitaran dengan pembangunan bercampur seperti kedai pejabat, pangaspuri harga bebas dan sebagainya.

"Semua tanah itu dijual tanpa tender terbuka serta harga yang diletakkan di bawah harga pasaran semasa iaitu lebih kurang RM74 bagi satu persegi tanah. Kesemua transaksi itu dijual dengan kelulusan Kementerian Wilayah Persekutuan ketika itu," katanya kepada pemberita selepas membuat laporan berhubung kes tersebut di Pejabat SPRM Kuala Lumpur, di sini hari ini.

Turut hadir, Ahli Parlimen Segambut, Hannah Yeoh Tseow Suan.

Mengulas lanjut, Lip Eng berkata, kesemua pemohon pembelian tanah daripada syarikat terlibat telah dikemukakan secara terus kepada DBKL pada bulan Januari 2016 dan tiada bukti Jawatankuasa Penilaian telah ditubuhkan serta kertas kerja proses penilaian disediakan.

"Saya minta SPRM menyerbu Yayasan Wilayah Persekutuan serta pejabat-pejabat syarikat pemaju bagi mendapatkan dokumen yang lengkap.

"Walaubagaimanapun, bangunan-bangunan yang telah dibina di atas lot tanah yang terlibat boleh diteruskan, cuma menghentikan dengan segera projek-projek penbinaan yang belum dijalankan," katanya.

16 Mei 2018

##### 5. Laporan audit 1MDB kini dokumen terbuka

KUALA LUMPUR 15 Mei - Laporan Pengauditan 1Malaysia Development Bank Berhad (1MDB) telah dikelaskan semula sebagai dokumen terbuka dan ringkasan eksekutif mengenainya boleh didapati di portal Jabatan Audit Negara.

Ketua Audit Negara, Tan Sri Dr. Madinah Mohamad berkata, ringkasan eksekutif itu boleh diperoleh menerusi portal Jabatan Audit Negara [www.audit.gov.my](http://www.audit.gov.my).

"Saya merujuk kepada Laporan Pengauditan 1MDB yang dikelaskan sebagai rahsia pada 22 Januari 2016 dan dibentangkan kepada Jawatankuasa Kira-kira Wang Awam Negara (PAC) pada 4 Mac 2016," katanya dalam satu kenyataan di sini, hari ini.

Secara ringkasnya, sehingga 31 Oktober 2015, baki prinsipal pinjaman atau pembiayaan Kumpulan 1MDB berjumlah RM55 bilion berbanding aset berjumlah RM58.60 bilion.

Sejumlah RM20.31 bilion daripada pinjaman atau pembiayaan tersebut mendapat jaminan dan bantuan Kerajaan Persekutuan.

Menurut laporan itu lagi, dalam tempoh 2009 hingga 2015, beberapa keputusan pelaburan penting dengan nilai pelaburan yang tinggi dibuat melalui resolusi Lembaga Pengarah 1MDB tanpa perbincangan dan penilaian secara terperinci.

Laporan itu turut menyatakan beberapa pertimbangan berhubung pelaburan dibuat dalam tempoh yang singkat dan berisiko tinggi.

Walau bagaimanapun, Pengurus Lembaga Pengarah 1MDB telah memaklumkan dalam Mesyuarat PAC pada 19 Januari 2016 bahawa perbincangan ada dibuat sebelum kelulusan diberi melalui resolusi.

Dalam beberapa keadaan, pengurusan 1MDB telah membentangkan maklumat yang tidak lengkap atau tidak tepat kepada Lembaga Pengarah 1MDB sebelum sesuatu keputusan penting dibuat malah telah mengambil tindakan tanpa kelulusan Lembaga Pengarah 1MDB.

Ringkasan laporan turut menyatakan terdapat juga keadaan di mana pengurusan 1MDB memberikan maklumat yang tidak tepat atau berbeza kepada pihak yang berkepentingan.

Pengurusan 1MDB mengambil tindakan yang bertentangan atau tanpa mengikut sepenuhnya keputusan Lembaga Pengarah atau pemegang saham dalam beberapa peristiwa berkaitan pelaburan.

Pengurusan penyelenggaraan fail dan rekod 1MDB adalah tidak sistematik dan kurang memuaskan.

16 Mei 2018

**6. 17,000 penjawat awam lantikan politik hilang pekerjaan****DR. MAHATHIR MOHAMAD**

PUTRAJAYA 16 Mei - Kira-kira 17,000 orang penjawat awam berstatus kontrak ditamatkan perkhidmatan kerana merupakan pelantikan politik daripada pentadbiran kerajaan terdahulu.

Perdana Menteri, Tun Dr. Mahathir Mohamad berkata, pihaknya bagaimanapun akan mengkaji kedudukan penjawat-penjawat awam terbabit yang bergaji rendah dan bersifat sokongan.

"Ada kes-kes seperti pemandu contohnya, mereka ini bergaji rendah, mungkin kita akan beri jawatan lain yang sesuai dengan kelayakan mereka," katanya dalam sidang akhbar di sini hari ini.

**7. Operasi ECRL berjalan seperti biasa**

KUALA LUMPUR 16 Mei - Operasi Malaysia Rail Link Sdn Bhd (MRL) berjalan seperti biasa dengan pembangunan Projek Laluan Rel Pantai Timur (ECRL) mencatat kemajuan sebanyak 14 peratus setakat semalam, kata Ketua Komunikasi Korporat syarikat itu, Rosmah Mahmud.

"Majlis Penasihat Kerajaan sedia maklum mengenai perkembangan sepenuhnya (kemajuan projek ECRL) setakat ini. Malah tiada sebarang arahan untuk menghentikan ECRL," katanya.

Beliau berkata demikian kepada pemberita selepas mesyuarat antara Majlis Penasihat itu dengan Ketua Pegawai Eksekutif MRL, Datuk Darwis Abdul Razak di sini, hari ini.

ECRL dimiliki oleh MRL iaitu sebuah syarikat bertujuan khas yang dimiliki sepenuhnya oleh Menteri Kewangan Diperbadankan (MKD).

Mengulas selanjutnya, Rosmah berkata sebahagian besar daripada 14 peratus kemajuan yang dicatatkan oleh projek ECRL itu melibatkan kerja-kerja teknikal serta pengambilalihan tanah.

Ditanya mengenai inti pati mesyuarat yang berlangsung sebelum itu, beliau berkata hanya pihak Majlis Penasihat yang boleh mendedahkan butiran tersebut.

"Majlis itu dijangka mengeluarkan satu kenyataan menjelang akhir minggu ini," katanya.

Apabila siap kelak, ECRL yang dianggarkan menelan kos RM55 bilion akan menjadi projek laluan rel terpanjang di negara ini.

Projek itu menjadi tumpuan penelitian kerana melibatkan kos besar yang disifatkan pengkritik sebagai paling mahal berdasarkan asas bagi setiap kilometer.

16 Mei 2018

**8. Banyak kesalahan, penyelewengan dalam skandal 1MDB**

Perdana Menteri, Tun Dr. Mahathir Mohamad bercakap dalam sidang akhbar di Yayasan Kepimpinan Perdana, Putrajaya, hari ini.

PUTRAJAYA 16 Mei - Jelas terdapat lebih banyak kesalahan dan penyelewengan dalam skandal 1Malaysia Development Berhad (1MDB) berbanding yang diketahui umum sebelum ini.

Perdana Menteri, Tun Dr. Mahathir Mohamad berkata, beliau telah mendapat taklimat daripada pihak polis termasuk membaca laporan pengauditan yang telah dikelaskan sebagai dokumen terbuka semalam.

"Kita akan mengambil tindakan dan membuat laporan polis, apabila sampai tahap kita boleh membuat tangkapan, kita akan tangkap mereka yang bersalah.

"Tiada perbezaan antara orang tertentu (pangkat dan kedudukan) untuk didakwa," katanya pada sidang akhbar di sini hari ini.

Semalam Ketua Audit Negara, Tan Sri Dr. Madinah Mohamad dalam satu kenyataan berkata, laporan pengauditan 1MDB tersebut yang pernah dibentangkan kepada Jawatankuasa Kira-Kira Wang Awam Negara (PAC) pada 4 Mac 2016 kini sudah boleh dirujuk orang ramai.

Dr. Mahathir menambah, adalah penting bagi kerajaan untuk membawa pulang wang berkaitan 1MDB dari negara-negara luar termasuk Amerika Syarikat (AS), Switzerland dan Singapura.

"Sebab itu kita hubungi negara-negara terlibat untuk kita dapatkan semula duit yang ada pada mereka. Kita buat kenyataan bahawa wang itu milik Malaysia dan 1MDB.

"Jumlahnya agak besar dan ini akan menolong kita dalam menyelesaikan pelbagai jenis hutang," katanya.

Beliau menjelaskan, jumlah sebenar keseluruhan wang berkenaan di luar negara masih belum dapat diketahui lagi tetapi di AS sahaja memiliki jumlah terbesar iaitu AS\$4.5 bilion (RM18.83 bilion).

Sementara itu Dr. Mahathir berkata terpulang kepada polis untuk memanggil bekas Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Razak bagi membantu siasatan 1MDB.

Ditanya juga sama ada bukti mencukupi bagi mendakwa Najib, katanya, jika mempunyai bukti yang cukup, tindakan boleh diambil.

Berhubung persoalan sama ada Najib dikenakan tahanan di rumah memandangkan beliau tidak kelihatan di khalayak umum, Dr. Mahathir yang juga Pengerusi PH berkata, bekas Perdana Menteri itu hanya tidak dibenarkan ke luar negara pada ketika ini.

"Kita akan mengikut undang-undang. Undang-undang ini tertakluk kepada semua orang termasuk Perdana Menteri," katanya.

Ditanya tentang pertemuan beliau dengan bekas Peguam Negara, Tan Sri Gani Patail, Dr. Mahathir menjelaskan, pertemuan itu adalah untuk mengetahui berhubung pemberhentian dan keputusan penyiasatan beliau.

16 Mei 2018

## 9. UMW-OG sasar kontrak RM2.6 bilion

KUALA LUMPUR 15 Mei - UMW Oil & Gas Corp. Bhd. (UMW-OG) sedang membida 30 kontrak dianggarkan bernilai AS\$660 juta (RM2.6 bilion).



Presiden UMW-OG, Rohaizad Darus berkata, ia meliputi 15 projek di Malaysia dan 15 lagi di luar negara termasuk Vietnam, Indonesia, Thailand dan Myanmar.

Katanya, syarikat menjangkakan untuk memperoleh enam kontrak menjelang akhir 2018 yang akan memberi sumbangan positif kepada perolehan dan aset bersih kumpulan dalam tempoh jangka panjang.

**ROHAIZAD DARUS**

"Kontrak dalam tangan semasa UMW-OG bernilai RM725 juta, kira-kira 90 peratus daripadanya akan tamat pada tahun ini dan baki 10 peratus pada tahun hadapan.

"Buat masa ini, UMW-OG mempunyai lima pelantar minyak dengan 71 peratus kadar penggunaan dan dua lagi pelantar minyak dijangka beroperasi selewat-lewatnya awal Julai ini," katanya kepada pemberita selepas Mesyuarat Agung Tahunan (AGM) UMW-OG di sini hari ini.

Yang turut hadir, Pengurus UMW-OG, Datuk Abdul Rahman Ahmad dan Ketua Pegawai Kewangan UMW-OG, Rafiza Ghazali.

UMW-OG turut mengumumkan pertukaran nama syarikat kepada Velesto Energy Bhd. yang akan diguna pakai secara rasmi dalam tempoh dua minggu akan datang.

Pertukaran nama itu susulan keputusan UMW Holdings Bhd. menamatkan perniagaan minyak dan gas dengan melupuskan semua 55.7 peratus kepentingannya dalam UMW-OG kepada pemegang-pemegang saham terpilihnya pada tahun lalu.

Mengulas tentang peralihan kerajaan, Abdul Rahman berkata, UMW-OG optimis kekal berupaya memperoleh kontrak daripada Petroliam Nasional Bhd. (Petronas) yang merupakan antara pelanggan utamanya.

"Kami positif terhadap prospek akan datang dan berharap untuk memanfaatkan potensi pada era baharu ini," katanya.

17 Mei 2018

## 10. Jho Low diarah pulang Equanimity kepada AS



**KAPAL mewah Equanimity bernilai RM991 juta milik ahli perniagaan, Jho Low yang dituntut oleh Amerika Syarikat.**

LOS ANGELES 16 Mei - Ahli perniagaan Malaysia, Low Taek Jho atau lebih dikenali sebagai Jho Low diarahkan untuk memulangkan kapal layar mewah 'Equanimity' bernilai AS\$250 juta (RM991 juta) kepada pihak berkuasa Amerika Syarikat (AS).



Menurut laporan portal berita Bloomberg, pihak berkuasa negara itu merancang membawa kapal layar itu dari Indonesia dan menjualnya di AS.

Hakim Los Angeles, Dale Fischer berkata, keputusan itu bagaimanapun tidak mengugat kedaulatan Indonesia.

Ini berikutnya sebuah mahkamah Indonesia bulan lalu mengarahkan kapal layar sepanjang 91.44 meter itu diserahkan semula kepada Jho Low selepas mendapat bahawa polis negara itu menyitanya secara salah atas arahan Biro Penyiasatan Persekutuan (FBI).

JHO LOW

"Ini bukannya isu kerajaan AS merampas harta secara paksa dalam sebuah negara asing tanpa kuasa yang sewajarnya daripada kerajaan negara itu," kata Fischer.

Sehubungan itu, Fischer memutuskan pihak yang mempunyai hak milik ke atas Equanimity bagi pihak Jho Low, menyerahkan kapal layar itu tanpa rampasan oleh AS di perairan Indonesia.

Hakim itu turut memberitahu, pihak terbabit boleh mematuhi perintah atau sebaliknya bergantung kepada 'akibat yang mereka mahukan'.

Pihak itu juga diberi tempoh 30 hari untuk mencabar keputusan tersebut disebabkan sifat unik prosiding berkenaan.

Kapal layar itu adalah antara lebih AS\$1.5 bilion (RM5.95 bilion) aset yang didakwa AS dibeli oleh Jho Low dan rakannya menggunakan dana yang diseleweng dari dana 1Malaysia Development Berhad (1MDB).

**11. Ramai tidak sedar tanah sendiri terjual**

KES tanah dijual tanpa pengetahuan pemilik asal sehingga menyebabkan hak milik pada geran tanah bertukar menjadi milik individu tidak dikenali semakin banyak dikesan di seluruh negara termasuk melibatkan harta tanah bernilai tinggi.

Walaupun agak pelik namun masalah yang kini sudah menjadi realiti itu didapati boleh berlaku berpunca daripada faktor kecuaian dan penipuan selain aspek teknikal dimanipulasi pihak tertentu dalam usaha menukar hak milik tanpa disedari pemilik asal.

Malah perkara itu diakui Timbalan Presiden Persatuan Guaman Hartanah Malaysia (HartaGuam), Salkukhairi Abd. Sukor yang turut menyifatkan banyak mangsa terlibat terpedaya taktik penipuan, desakan termasuk salah nyata (diputar belit)

Menurutnya, apabila ia berlaku, ada di antara tuan tanah menandatangani dokumen pindah milik dan menyerahkan geran tanah asal dan lain-lain dokumen berkaitan kepada pihak tersebut dengan tujuan bagi mereka menguruskan atau menjalankan aktiviti lain dan bukannya untuk dijual.

"Selain itu, wujud juga pemalsuan tandatangan tuan tanah pada dokumen pindah milik ataupun pemalsuan geran tanah atau lain-lain dokumen berkaitan oleh pihak tidak bertanggungjawab yang menyebabkan proses pertukaran hak milik dapat didaftarkan kepada pihak-pihak tertentu.

"Terdapat juga keadaan di mana tuan tanah memberikan surat kuasa wakil penuh (Full PA) kepada pihak-pihak tertentu sama ada secara mereka faham dan sedar atau tidak faham dan tidak sedar, sehingga memberi kuasa kepada pemegang wakil kuasa tersebut untuk memindah tanah itu kepada pihak lain," katanya kepada S2 baru-baru ini.

Dalam pada itu, beliau juga tidak menafikan ada di antara tanah yang bertukar nama disebabkan kegagalan tuan tanah asal yang gagal membayar cukai tanah dan melanggar apa-apa syarat nyata pada tanah tersebut seperti membina bangunan komersial atas tanah pertanian dan sebagainya.

Menurutnya, pihak berkuasa negeri melalui pejabat tanah boleh merampas tanah tersebut di bawah peruntukan Seksyen 100 dan Seksyen 130 Kanun Tanah Negara dan tanah tersebut dianggap kembali menjadi milik kerajaan. Kerajaan seterusnya berhak menyerahkan tanah tersebut kepada pihak lain.

Sehubungan itu, beliau menasihatkan pemilik tanah sentiasa mengemas kini atau menyemak status pemilikan tanah dengan membuat carian rasmi di pejabat tanah dari semasa ke semasa.

Salkhukairi berkata, ini kerana walaupun mungkin mereka masih menyimpan geran asal tanah mereka, tidak mustahil tanah mereka mungkin boleh terlepas ke tangan pihak lain melalui cara pelbagai cara tanpa mereka sedari.

21 Mei 2018

## 12. Pasukan petugas khas mengenai 1MDB bermesyuarat esok



Bekas Peguam Negara, Tan Sri Abdul Gani Patail merupakan salah seorang anggota Pasukan Khas Siasatan 1MDB yang dibentuk bagi menjalankan siasatan terperinci berkaitan kes syarikat pembangunan strategik itu.



### Empat individu ketuai Pasukan Khas Siasatan 1MDB

KUALA LUMPUR 21 Mei - Pasukan petugas khas yang baru ditubuhkan untuk menyiasat skandal 1Malaysia Development Berhad (1MDB) akan mengadakan mesyuarat pertamanya, esok.

Ini disahkan oleh bekas Peguam Negara Tan Sri Abdul Gani Patail, yang mengetuai bersama pasukan petugas khas tersebut.

"Kami akan bermesyuarat esok. Kami akan bertemu dengan anda kemudian," kata beliau kepada pemberita sebelum meninggalkan Ilham Tower, di sini hari ini.

Pejabat Perdana Menteri (PMO) dalam satu kenyataan awal hari ini, mengumumkan penubuhan Pasukan Petugas Siasatan 1MDB untuk menjalankan siasatan terperinci, pengesahan dan penyitaan

aset serta pendakwaan terhadap individu yang melakukan apa-apa kesalahan jenayah dalam pengurusan 1MDB.

Pasukan petugas itu dianggotai oleh wakil dari Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM), Jabatan Peguam Negara, Polis Diraja Malaysia (PDRM), Bank Negara Malaysia, dan beberapa orang peguam yang mempunyai kepakaran dalam perkara berkaitan.

Selain Gani, pasukan petugas itu diketuai bersama oleh bekas Ketua Pesuruhjaya SPM, Tan Sri Abu Kassim Mohamed, bekas timbalan pengarah Cawangan Khas Bukit Aman, Datuk Abdul Hamid Bador dan Ketua Pesuruhjaya SPM yang baharu, Datuk Seri Mohd. Shukri Abdull.

Terdahulu, Gani, Abu Kassim dan Mohd. Shukri dilihat tiba di Ilham Tower pada pukul 2 petang sebelum meninggalkan kawasan itu pada 3.30 petang.

Bangunan itu menjadi tumpuan kerana di situlah, Majlis Penasihat Kerajaan yang ditugaskan untuk menasihatkan kerajaan mengenai hal ehwal ekonomi dan kewangan, mengadakan mesyuarat dengan pegawai kanan kerajaan, syarikat berkaitan kerajaan dan pertubuhan bukan kerajaan dalam menjalankan tugasnya.

Majlis Penasihat Kerajaan pula telah menukuasa berasingan untuk menyiasat skandal 1MDB, dengan diketuai oleh bekas Peguam Negara, Tan Sri Abu Talib Othman, yang juga kelihatan berada di bangunan itu.

Abu Talib memberitahu pemberita kemudian, bahawa kedua-dua pasukan itu komited untuk menyiasat 1MDB secara teliti dan adil.

"Kami akan menyiasat 1MDB dengan tujuan untuk mendapatkan kembali wang.

"Ia mesti dijalankan selaras dengan amalan dan prosedur yang diterima," kata beliau dan menambah keadilan undang-undang akan dipatuhi dalam melaksanakan tugas.

21 Mei 2018

**13. Andre Justo bertemu lagi Dr. Mahathir**

XAVIER ANDRE JUSTO meninggalkan Yayasan Kepimpinan Perdana selepas mengadakan pertemuan dengan Dr. Mahathir di Putrajaya, semalam.

PUTRAJAYA 21 Mei - Warganegara Switzerland yang juga bekas pegawai PetroSaudi International Ltd., Xavier Andre Justo hari ini sekali lagi bertemu Perdana Menteri, Tun Dr. Mahathir Mohamad di bangunan Yayasan Kepimpinan Perdana (YKP) di sini.

Beliau kelihatan memasuki pekarangan bangunan menaiki kereta jenis Mercedes Benz pada kira-kira pukul 12.45 tengah hari dan keluar pada pukul 2 petang.

Justo dilaporkan telah bertemu Dr. Mahathir, kelmarin.

Beliau merupakan orang penting dalam skandal 1Malaysia Development Berhad (1MDB) dan sebelum ini, beliau pernah didakwa berkongsi maklumat mengenai badan pelaburan berkenaan dengan Clare.

Selepas Pakatan Harapan menang dalam Pilihan Raya Umum Ke-14, Dr. Mahathir mengarahkan siasatan 1MDB dibuka semula.

Bekas Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Tun Razak diminta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) supaya hadir ke ibu pejabat itu, esok.

Siasatan pada hari Selasa ini dikatakan berkisar kepada anak syarikat 1MDB iaitu SRC International.

21 Mei 2018

#### 14. Isytihar harta kepada SPRM

KUALA LUMPUR 21 Mei - Perdana Menteri, anggota Kabinet dan Ketua-Ketua Institusi disaran untuk mengisyiharkan harta kepada Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) selain mendedahkannya secara terbuka menerusi dalam talian bagi memastikan ketelusan dan akauntabiliti.

Presiden Transparency International Malaysia (TI-M), Datuk Akhbar Satar juga meminta agar proses tersebut turut dilakukan oleh pasangan masing-masing dan ahli keluarga terdekat.

Malah, kata beliau, Ketua Pesuruhjaya SPRM juga perlu mengisyiharkan harta kepada Parlimen sebelum Perdana Menteri dan anggota Kabinet serta Ketua-Ketua Institusi mengisyiharkan harta masing-masing.

"Pada masa ini, anggota Kabinet mengisyiharkan harta kepada Perdana Menteri manakala ketua di kementerian dan jabatan termasuk Peguam Negara, Ketua Hakim Negara, Ketua Polis Negara, Panglima Angkatan Tentera dan anggota tertinggi dalam perkhidmatan awam mengisyiharkan harta mereka kepada Ketua Setiausaha Negara.

"Pengisyiharan harta kepada SPRM hendaklah dilakukan sebelum dan selepas memegang sesuatu jawatan dengan analisis nilai bersih dilakukan secara berkala, mungkin dilakukan setahun sekali," katanya dalam satu kenyataan, hari ini

22 Mei 2018

**15. Pasukan Khas Siasatan 1MDB****Secara terperinci, rampas aset serta dakwa individu bersalah****DARI KIRI: Abdul Ghani Patail, Abdul Hamid Bador, Abu Kassim Mohamed, Mohd. Shukri Abdull**

PUTRAJAYA 21 Mei - Perdana Menteri, Tun Dr. Mahathir Mohamad bersetuju untuk membentuk sebuah Pasukan Khas Siasatan 1Malaysia Development Berhad (1MDB) bagi menjalankan siasatan terperinci berkaitan kes berkenaan.

Pejabat Perdana Menteri dalam kenyataannya berkata, pasukan itu bertanggungjawab untuk membuat pengesahan, rampasan aset serta pendakwaan terhadap individu yang melakukan apa-apa kesalahan jenayah dalam pengurusan 1MDB.

"Pasukan khas ini akan diketuai bersama oleh bekas Peguam Negara, Tan Sri Ghani Patail; bekas Ketua Pesuruhjaya Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM), Tan Sri Abu Kassim Mohamed; Ketua Pesuruhjaya SPRM, Datuk Seri Mohd. Shukri Abdull dan bekas Timbalan Pengarah Cawangan Khas Bukit Aman, Datuk Abdul Hamid Bador.

"Keanggotaannya pula akan terdiri daripada SPRM, Jabatan Peguam Negara, Polis Diraja Malaysia (PDRM), Bank Negara Malaysia (BNM) dan beberapa orang peguam yang mempunyai kepakaran dalam perkara berkaitan," katanya dalam satu kenyataan di sini hari ini.

Menurut kenyataan itu, pasukan tersebut akan bertanggungjawab dalam keseluruhan aspek penyelarasan siasatan, pengesahan kewangan dan perolehan aset yang berpunca daripada salah laku dan penyelewengan dana 1MDB yang tersimpan atau dilaburkan di dalam dan luar negara.

Katanya, pasukan khas itu juga bertanggungjawab untuk mendapatkan kerjasama dengan pelbagai pihak agensi penguatkuasaan Amerika Syarikat (AS), Switzerland, Singapura, Kanada dan lain-lain negara yang berkaitan.

"Kerajaan berharap penubuhan pasukan ini dengan penglibatan pelbagai agensi penguatkuasaan yang terlibat akan berupaya mengembalikan maruah negara yang telah tercemar selama ini di samping mengembalikan wang dan aset rakyat Malaysia berikutan skandal kleptokrasi hasil salah laku dan penyelewengan dana 1MDB," katanya.

26 Mei 2018

**16. Siasat 1MDB secara telus****Bawa bukti kukuh ke mahkamah, bukan buat sidang akhbar****Tan Seng Giaw.**

KUALA LUMPUR 25 Mei - Kerajaan Pakatan Harapan seharusnya menjalankan siasatan terhadap kes 1Malaysia Development Berhad (1MDB) secara telus tanpa sebarang agenda untuk mempolitikkan isu berkenaan.

Bekas Ahli Parlimen Kepong, Dr. Tan Seng Giaw berkata, siasatan kes berkenaan perlu dibuat berlandaskan undang-undang, namun apa yang berlaku pada masa ini agak berlainan yang mana sidang akhbar berkaitan kes itu dilakukan dengan meluas walaupun bukti kes belum dibawa ke mahkamah.

"Siasatan 1MDB perlu telus, kita kena bezakan antara siasatan dan siaran berita, kalau jemput untuk buat sidang akhbar itu bukan siasatan."

"Kalau kita ingin mendaulatkan undang-undang apabila kita siasat dan jumpa bukti yang kukuh bawa ke mahkamah bukan sekadar buat siaran berita," katanya kepada Utusan Malaysia di sini hari ini.

Ketua Pesuruhjaya Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM), Datuk Seri Mohd. Shukri Abdull mendedahkan mengenai pengalamannya sepanjang mengetui siasatan skandal SRC International Sdn. Bhd. dalam satu sidang akhbar di Putrajaya baru-baru ini.

Bagaimanapun, tindakan Mohd. Shukri itu ditegur Pengerusi Jawatankuasa Siasatan 1MDB, Tan Sri Abu Talib Othman yang menasihatkannya untuk tidak mengeluarkan sebarang kenyataan awam sepanjang tempoh siasatan dijalankan.

Menurut Seng Giaw, isu berkaitan 1MDB mendapat perhatian yang meluas daripada rakyat, malah isu tersebut juga telah berjaya membuatkan kerajaan Pakatan Harapan menumbangkan kerajaan Barisan Nasional (BN).

"Saya sendiri beri perhatian kepada isu 1MDB, kerajaan perlu elak daripada siarkan berita-berita tidak benar yang boleh pesongkan rakyat.

"Kerajaan perlu tunjukkan pentadbiran yang cekap dengan mendaulatkan undang-undang," katanya.

28 Mei 2018

## 17. Projek HSR dibatalkan



**ILUSTRASI stesen kereta api berkelajuan tinggi Kuala Lumpur-Singapura (HSR) di Seremban, Negeri Sembilan**

KUALA LUMPUR 28 MEI - Kerajaan Pakatan Harapan dijangka perlu membayar pampasan kira-kira RM500 juta berhubung pembatalan projek kereta api berkelajuan tinggi Kuala Lumpur-Singapura (HSR).

Perdana Menteri, Tun Dr. Mahathir Mohamad berkata, ini memandangkan kerajaan telah membuat keputusan akhir untuk membatalkan projek tersebut.

"Ini adalah keputusan akhir (pembatalan HSR) tetapi ia akan mengambil masa kerana kita mempunyai perjanjian dengan kerajaan Singapura.

"Saya difahamkan jumlah pampasan yang perlu dibayar oleh kerajaan kerana membatalkan projek ini mencecah hampir RM500 juta," katanya dalam sidang akhbar selepas mempergerusikan mesyuarat Majlis Pimpinan Tertinggi PBBM di sini hari ini.

Projek HSR yang bernilai RM100 bilion itu antara projek mega inisiatif pentadbiran bekas Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Razak.

Menurut Dr. Mahathir, kerajaan akan berunding dengan Singapura untuk mengurangkan jumlah pampasan yang terpaksa dibayar itu.

"Kita akan cuba mendapatkan pampasan yang rendah sedaya mungkin," katanya.

Dalam pada itu, beliau yang juga Pengurus Pakatan Harapan berkata, pihaknya menerima laporan berkenaan kes-kes penipuan melibatkan Suruhanjaya Pilihan Raya (SPR) ketika Pilihan Raya Umum Ke-14 (PRU-14).

"Kita dapati ada calon kita yang sudah menang tetapi ada peti undi lain datang dan tiba-tiba sahaja calon kita kalah.

"Kita masih belum kenalpasti jumlah sebenar kerusi Parlimen atau Dewan Undangan Negeri (DUN) yang terlibat," katanya.

Sementara itu, mengenai PPBM, Dr. Mahathir yang merupakan Pengurus parti itu berkata, beliau mengalu-alukan penyertaan orang ramai untuk menyertai parti berkenaan.

"Hakikatnya sebelum ini orang kurang minat untuk sertai kita, sekarang dalam sehari kira-kira 1,000 orang mahu menyertai kita.

"Dahulu tumpuan parti ialah untuk mengalahkan Najib, itu objektif utama. Sekarang kami mahu tentukan perjuangan PPBM yang sebenar supaya orang tahu mengenai kita," katanya.

30 Mei 2018

**18. Okay untuk ECRL dikaji semula, tidak untuk batal MRT3****Projek MRT mampu redakan ketepuan trafik Lembah Kelang**

KUALA LUMPUR 30 Mei - Kerajaan diminta mempertimbangkan semula keputusan membatalkan pembinaan Projek Transit Aliran Massa 3 (MRT3) memandangkan ia memberi banyak manfaat kepada rakyat dalam melengkapkan jaringan pengangkutan awam di Lembah Kelang.

Ketua Pusat Penyelidikan Keselamatan Jalan Raya Universiti Putra Malaysia (UPM), Prof. Dr. Law Teik Hua berkata, senario MRT3 berbeza dengan projek Laluan Rel Pantai Timur (ECRL) yang dilihat berpatut untuk dikaji semula kerana projek tersebut tidak mendapat permintaan tinggi.

"Saya bersetuju bahawa kita memerlukan kajian yang lebih mendalam tentang ECRL kerana dikhawatir pulangan yang disasarkan tidak dapat dicapai.

"Namun demikian, projek MRT3 sangat diperlukan untuk pembangunan bandar di Lembah Kelang kerana bilangan kendaraan terus bertambah dan bertumpu di kawasan ini, menyebabkan kesesakan jalan raya yang serius," katanya ketika dihubungi Utusan Online, di sini hari ini.

Perdana Menteri, Tun Dr. Mahathir Mohamad hari ini mengumumkan projek MRT3 tidak akan diteruskan dan projek ECRL pula akan dikaji semula sebelum apa-apa keputusan berkenaan dengannya dibuat.

Dr. Mahathir juga memberitahu keputusan pembatalan projek Kereta Api Berkelajuan Tinggi Kuala Lumpur-Singapura (HSR) yang diumumkan semalam akan bergantung kepada perbincangan bersama kerajaan Singapura.

Mengulas lanjut, Teik Hua berpendapat, jaringan pengangkutan awam yang masih belum lengkap di Lembah Kelang menyebabkan pengguna kendaraan seperti kereta dan motosikal tidak berminat untuk beralih kepada pengangkutan awam.

Oleh itu, kata beliau, pembatalan projek MRT3 yang sepatutnya melengkapkan jaringan pengangkutan awam di Lembah Kelang akan menyukarkan usaha kerajaan untuk melahirkan masyarakat bandar yang lebih mesra pengangkutan awam.

"Kerajaan tidak akan mampu menampung pertambahan bilangan kereta dengan membina dan melebarkan jalan raya, masyarakat perlu ubah tabiat mengembara mereka dengan beralih kepada pengangkutan awam," katanya.

19. Tempoh siasatan 1MDB bergantung tahap kerumitan kes



KUALA LIMPUR 30 Mei - Tempoh siasatan 1Malaysia Development Berhad (1MDB) sama ada akan mengambil masa lebih lama atau sebaliknya bergantung kepada tahap kerumitan kes berkenaan.

Pengerusi Jawatankuasa Siasatan 1MDB, Tan Sri Abu Talib Othman bagaimanapun enggan mengulas lanjut mengenai kes berkenaan yang masih dalam siasatan.

"Saya tidak boleh komen selanjutnya. Siasatan mungkin mengambil masa yang singkat atau lebih lama.

"Ini semua bergantung kepada tahap kerumitan kes berkenaan yang ketika ini berada dalam siasatan," katanya ketika ditemui pemberita di pekarangan Menara Ilham, di sini hari ini.

Jawatankuasa Siasatan 1MDB ditubuhkan oleh Majlis Penasihat Kerajaan bagi melihat masalah membabitkan syarikat pelaburan strategik itu di bawah kerajaan Barisan Nasional (BN) sebelum ini.